

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JHG 231 - Geografi Manusia

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 3 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan kesemuanya: DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Tuliskan nota ringkas tentang perkara (a) [wajib] dan mana-mana DUA (2) daripada (b) hingga (e).
 - (a) Piramid umur. (9 markah)
 - (b) Model Eureka. (8 markah)
 - (c) Maklumbalas positif dan negatif. (8 markah)
 - (d) Perbezaan di antara penyerapan pengembangan dengan penyerapan relokasi. (8 markah)
 - (e) Teori Malthus. (8 markah)(25 markah)

2. Dengan berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, jelaskan bagaimanakah konsep determinisme dan possibilisme dalam geografi manusia telah berubah kepentingannya dengan meningkatnya tamadun manusia.

(25 markah)

3. "Pembinaan teori dalam geografi manusia bukanlah satu perkembangan yang baru, kerana usaha ke arah menghasilkan hukum-hukum geografi pernah dibuat pada lewat kurun kesembilan belas dan awal kurun kedua puluhan". Huraikan ketepatan kenyataan ini.

(25 markah)

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Model Peralihan Demografik.

(5 markah)

 - (b) "Model Peralihan Demografik dapat dijadikan alat untuk meramalkan perubahan penduduk serta penentuan masalah yang bakal dihadapi oleh negara sedang membangun". Huraikan ketepatan kenyataan ini.

(20 markah)

... 3/-

BAHAGIAN B

5. Tuliskan nota tentang tema-tema budaya berikut:

- (a) ekologi kebudayaan; (9 markah)
- (b) integrasi kebudayaan; (8 markah)
- (d) penyerapan kebudayaan. (8 markah)

6. "Model Rostow tidak dapat berfungsi di negara dunia ketiga, disebabkan ketiadaan struktur yang diperlukan untuk menjayakan model tersebut". Huraikan ketepatan kenyataan ini.

(25 markah)

7. Dengan merujuk sebuah negeri tertentu di Malaysia, bincangkan perhubungan antara petempatan luar bandar dengan corak penggunaan tanah pertanian.

(25 markah)

- oooOooo -

